

BENGKEL MOBILE PHOTOGRAPHY

26 SEPTEMBER 2023

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



26 September 2023, Selasa – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) telah menganjurkan Bengkel Mobile Photography yang telah diadakan secara hibrid iaitu bertempat di Bilik IT, PTA dan siaran langsung melalui saluran YouTube rasmi PTA bermula pada 9:00 pagi sehingga 12:00 tengah hari.

Bengkel ini merupakan anjuran PTA dengan kerjasama Unit Sumber Dan Teknologi Pendidikan (USTP) Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Machang. Objektifnya adalah untuk perkongsian teknik-teknik dalam menggunakan teknologi telefon bimbit dalam menghasilkan imej dan video berkualiti serta menarik dan setara profesional.

PTA mengucapkan terima kasih kepada peserta yang telah menyertai secara fizikal di Bilik IT dan juga maya di saluran YouTube rasmi PTA. Semoga segala perkongsian yang telah dikongsi dalam bengkel ini dapat meningkatkan kemahiran peserta dalam melaksanakan tugasannya di bahagian masing-masing.

